

No. Rujukan : UTeM.02.14.03/100-3/2/3 ( 19 )



---

**SURAT EDARAN PENTADBIRAN  
BILANGAN 10 TAHUN 2019**

---

**PEMAKLUMAN JEMPUTAN BAGI PEGAWAI  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA  
KE PROGRAM-PROGRAM ANJURAN  
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DAN SEKOLAH**

Pejabat Pendaftar  
4 Julai 2019 | 1 Zulkaedah 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 ( 19 )

4 JULAI 2019  
1 ZULKAEDAH 1440H

## SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 10/2019

### PEMAKLUMAN JEMPUTAN BAGI PEGAWAI ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA KE PROGRAM-PROGRAM ANJURAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DAN SEKOLAH

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar mengenai Pemakluman Jemputan Bagi Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Ke Program-Program Anjuran Institut Pengajian Tinggi Dan Sekolah di Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah.

2.0 Sukacita dimaklumkan bahawa sebarang jemputan menghadiri program-program di Peringkat Kebangsaan anjuran Institut Pengajian Tinggi dan sekolah kepada pegawai-pegawai Pertahanan Awam seluruh negara hendaklah **dialamatkan dan dimajukan** kepada Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam terlebih dahulu. Bagi program di peringkat negeri atau daerah kepada Pegawai-pegawai Pertahanan Awam di luar kawasan penganjur, jemputan hendaklah **dimajukan** kepada Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam.

3.0 Manakala, jemputan bagi sebarang program di peringkat negeri atau daerah **yang tidak** melibatkan Pegawai-pegawai Pertahanan Awam di luar kawasan penganjur, boleh kemukakan secara terus kepada Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri atau Daerah masing-masing.

4.0 Aturan ini dilaksanakan agar pengurusan jemputan kepada Pegawai Pertahanan Awam ke Mesyuarat/Majlis/Program yang dianjurkan oleh Universiti akan lebih lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MASDZARIF BIN MAHAT**

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka